



# KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR

## PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE

**NAMA KURSUS : PRINSIP PENGURUSAN**  
**KOD KURSUS : DSM1013**  
**PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021**  
**MASA : 3 JAM**

## **ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
  2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
  3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
  4. Tulis butiran anda seperti mana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
    - i. Nama Penuh Pelajar
    - ii. No. Kad Pengenalan
    - iii. Seksyen Kelas
    - iv. Kod Kursus
    - v. Nama Kursus
    - vi. Nama Pensyarah
  5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
  6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 6 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Nyatakan **dua (2)** kepentingan pengurusan.

(2 markah)

- b. Terdapat **tiga (3)** peringkat pengurusan yang terlibat dalam proses perancangan.  
Lukis gambar rajah dan terangkan peringkat pengurusan tersebut.

(5.5 markah)

**SOALAN 2**

Apabila perniagaan berkembang dan permintaan meningkat, organisasi terpaksa meningkatkan kapasiti pengeluaran. Sebagai seorang Pengurus Pengeluaran, anda perlu membuat keputusan bagaimana menjalankan proses pengeluaran yang berkesan untuk memenuhi permintaan.

- a. Tuliskan **dua (2)** teknik pembuatan keputusan yang akan anda laksanakan bagi menentukan penyelesaian kepada situasi di atas.

(3 markah)

- b. Daripada situasi tersebut, jelaskan proses membuat keputusan dalam menentukan penyelesaian di atas.

(8 markah)

**SOALAN 3**

Pengorganisasian merupakan proses aktiviti kerja disusun dan diagihkan kepada sumber tenaga untuk mencapai matlamat dan tujuan sesebuah organisasi. Ada beberapa bentuk organisasi yang boleh diaplikasikan dalam sesebuah organisasi.

Berdasarkan pernyataan di atas:

- a. Nyatakan **tiga (3)** bentuk organisasi yang biasa digunakan.  
(3 markah)
- b. Apakah elemen yang perlu ada dalam struktur sesebuah organisasi?  
(4 markah)

**SOALAN 4**

- a. Nyatakan **dua (2)** perbezaan di antara teori X dengan teori Y yang diperkenalkan oleh Douglas McGregor.  
(4 markah)
- b. Bincangkan **lima (5)** keperluan manusia berdasarkan Hierarki Keperluan Maslow berserta gambar rajah.  
(8.5 markah)

**SOALAN 5**

- a. Fatimah merupakan seorang pemimpin yang memberi kebebasan dan autonomi kepada pekerja bawahannya untuk membuat keputusan dan bertindak tanpa merujuk kepadanya. Beliau percaya bahawa pekerja bawahannya memahami pekerjaan dan tugas mereka dengan baik. Pada pendapat anda, apakah gaya kepimpinan yang diamalkan oleh Fatimah? Huraikan gaya kepimpinan tersebut.  
(4 markah)

- b. Terangkan **lima (5)** cara model gaya kepimpinan Robert Blake dan Jane Mouton.  
(7.5 markah)

**SOALAN 6**

- a. Pengawalan memberi fokus kepada aktiviti sebelum, semasa dan selepas proses dijalankan. Huraikan **tiga (3)** jenis pengawalan mengikut masa yang boleh diimplementasikan dalam sesebuah organisasi.  
(4.5 markah)
- b. Bincangkan **empat (4)** proses kawalan.  
(6 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Perancangan adalah penting dalam pengurusan. Senaraikan **dua (2)** kepentingan perancangan dalam organisasi.

(2 markah)

- b. Huraikan **dua (2)** halangan kepada perancangan yang berkesan.

(4 markah)

- c. Jelaskan **dua (2)** jenis perancangan.

(4 markah)

- d. Perancangan adalah penting bagi sesebuah organisasi untuk mencapai matlamat mereka. Oleh sebab itu, setiap aktiviti organisasi mestilah mempunyai satu proses perancangan yang betul untuk memastikan aktiviti tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya. Huraikan **lima (5)** proses perancangan tersebut.

(10 markah)

**SOALAN 2**

- a. Berikan definisi komunikasi.

(2 markah)

- b. Huraikan **dua (2)** halangan yang boleh membawa kepada kegagalan penghantaran mesej penting.

(4 markah)

c. Bincangkan **tiga (3)** cara mengatasi halangan komunikasi berkesan.

(6 markah)

d. Nyatakan **lapan (8)** proses komunikasi.

(8 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**